



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU

JAAFAR

KEBAKARAN DI MIRI

23 APRIL 2016

Saya memberi amaran kepada semua pengusaha ladang dan individu individu yang tidak bertanggungjawab untuk tidak memulakan aktiviti pembakaran di Miri dan kawasan sekitarnya. Kes-kes kebakaran di Miri, Sarawak telah menyebabkan peningkatan Indeks Pencemar Udara (IPU) sehingga mencapai tahap tidak sihat di bandar Miri sejak jam 9.00 pagi 22 April 2016.

Saya dimaklumkan semalam pada jam 10.00 mengenai keadaan semasa kebakaran di sekitar Miri oleh pegawai BOMBA. Tindakan awal diambil dengan memaklumkan Pejabat Residen dan JAS Sarawak. Hasil semakan semasa, tiada kebakaran di sekitar Kuala Baram. Pemantauan berterusan masih dibuat oleh pihak BOMBA dan Permy Development Sdn. Bhd. (Naim Holdings Berhad) bagi kawasan yang sering terbakar di Kuala Baram.

Hasil siasatan terkini oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Miri berhubung kes kebakaran hutan di sekitar Miri, Sarawak yang bermula pada petang 19 Februari 2016 ialah sebahagian besar kebakaran telah dipadamkan oleh pihak NAIM dan BOMBA pada 22 April 2016. Seluas 200 ekar telah terbakar di Hutan Marudi manakala hutan di Bekenu dan Niah masing-masing adalah berhampiran dengan Rumah Panjang iaitu Kampung Bukit Kawan dan Kampung Dagang dengan anggaran kebakaran di Kampung Bukit Kawan adalah sepanjang 2 km.

Dipercayai punca kebakaran di hutan Marudi, Bekenu dan Niah adalah daripada aktiviti sara diri penduduk sekitar. Pada hari ini, fokus pemadaman adalah di sekitar Miri oleh pihak BOMBA dan pemilik ladang di lot 2145 dan ladang Eastwood. Punca kebakaran adalah juga daripada aktiviti sara diri penduduk tempatan. Rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) secara harian akan diteruskan sepanjang musim kering ini.

Kebakaran hutan di Brunei masih berlaku dan telah menghampiri hutan Miri di kawasan Agro Farm Plantation. Pihak Agro Farm Plantation telah membuat 'Fire Break' bagi menghalang kebakaran terus merebak. Dianggarkan sepanjang 20 km (keluasan melebihi 1000 ekar). Bacaan IPU di Bandar Miri adalah dipengaruhi oleh pergerakan arah angin yang membawa asap dari kebakaran hutan di Brunei, Bekenu dan Niah ke laut.

Tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh JAS Cawangan Miri bagi menangani kes pembakaran terbuka ialah menjalankan rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) secara harian termasuk hari cuti sejak pertengahan Februari 2016, hasil pemantauan dimaklumkan kepada Bomba dan Pejabat Residen Miri dan siasatan lanjut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Di samping itu, JAS telah mengeluarkan Notis Arahan kepada 6 (enam) pemaju/syarikat/pemilik tanah yang berkepentingan di sekitar kawasan tanah gambut untuk mengambil tindakan bagi mengelak kebakaran berlaku di tanah masing-masing serta telah mengaktifkan pemantauan oleh anggota RELA di menara tinjau, pemantauan dimulakan pada 15 Februari 2016.

Dalam menangani isu ini, JAS telah memohon kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk memantau keperluan bagi mengepam air dari tubewell di kawasan Pasukan JMG telah mengepam tiga unit tubewell sejak 14 Mac 2016. Pihak NREB juga telah dimaklumkan berkaitan kebakaran yang berlaku di ladang-ladang serta hutan di Miri.

Saya ingin menarik perhatian bahawa isu ini adalah isu yang serius yang mana kertas siasatan di bawah Seksyen 29A, AKAS 1974 juga sedang disediakan.